

# WAWASAN 2020

Abad ke 21 merupakan amaran yang menjanjikan cabaran dan persaingan bagi Malaysia di arena antarabangsa. Menyedari hakikat ini YAB Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad telah mencetuskan idea wawasan 2020 sebagai strategi bagi menghadapi cabaran yang menjanjikan seribu kemungkinan. Malaysia perlu bertanding dan setanding dengan negara-negara lain, jika kita ingin menentukan taraf kehidupan yang lebih selesa dan mempertingkatkan martabat serta imej bangsa di mata dunia. Lantas kita perlu melengkapkan diri serta bersedia memikul tanggungjawab untuk mengatasi situasi yang serba mungkin dan lebih mencabar.

Kegawatan dan tercabahnnya fenomena baru di pentas dunia antarabangsa seperti ledakan teknologi, kepelbagaian maklumat, dunia tanpa sempadan dan ekonomi menjadi penentu kuasa, menuntut Malaysia supaya lebih bersedia. Bertolak daripada kesedaran ini dan pentingnya memenangi persaingan, maka YAB Perdana Menteri telah menampilkan SEMBILAN cabaran yang mesti diatasi bagi melahirkan negara Malaysia 'maju'.

Cabaran PERTAMA ialah mewujudkan negara Malaysia bersatu yang mempunyai matlamat yang dikongsi bersama. Ia mesti menjadi negara yang aman, berintegritas di peringkat wilayah dan kaum hidup dalam harmoni, bekerjasama sepenuhnya, secara adil dan disokong oleh satu bangsa Malaysia yang mempunyai kesetiaan politik dan dedikasi kepada negara.

Cabaran KEDUA ialah cabaran untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju dengan keyakinan terhadap diri sendiri, bangga dengan apa yang ada, dengan apa yang dicapai, gagah menghadapi pelbagai masalah. Masyarakat Malaysia ini mesti dapat dikenali melalui usaha mencapai kecemerlangan, sedar semua kemampuannya tidak mengalah kepada sesiapa dan dihormati rakyat negara lain.

Cabaran KETIGA yang sering kita hadapi adalah usaha mewujudkan dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang, demokrasi Malaysia berasaskan masyarakat yang boleh menjadi contoh kepada negara membangun.

Cabaran KEEMPAT ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika, yang mana warganegaranya kukuh dalam nilai agama dan kejiwaan dan didorong oleh tahap etika yang paling tinggi.

Cabaran KELIMA yang selalu kita alami ialah untuk mewujudkan masyarakat liberal dan bertolak ansur, yang mana rakyat Malaysia pelbagai kaum bebas mengamalkan adat kebudayaan dan kepercayaan agama dan pada masa yang sama, meletakkan kesetiaan mereka kepada satu negara.

Cabaran KEENAM ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan memandang ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologi tetapi penyumbang kepada tamadun saintifik dan teknologi masa depan.

Cabaran KETUJUH ialah untuk mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi, iaitu sistem sosial yang mana kepentingan masyarakat lebih utama daripada diri sendiri, yang mana kebajikan insan tidak akan berkisar kepada negara atau orang perseorangan tetapi di sekeliling sistem keluarga yang kukuh.

Cabaran KELAPAN ialah cabaran untuk memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi. Ini ialah masyarakat yang melaksanakan pengagihan kekayaan negara secara adil dan saksama, yang mana wujud perkongsian sepenuhnya bagi setiap rakyat dalam perkembangan ekonomi. Masyarakat sedemikian tidak akan wujud jika masih ada pengenalan kaum berdasarkan fungsi ekonomi dan kemunduran ekonomi berdasarkan kaum.

Cabaran KESEMBILAN ialah cabaran untuk mewujudkan masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi bersaing dinamik, giat dan kental.

'.....cabaran yang terkandung dalam WAWASAN 2020 menagih kepekaan kita melengkapkan diri dan bersedia memikul tanggungjawab tersebut.'

*Rujukan : Perak Nombor 1*

*Buku Harian Rasmi 93/94*

*(Dipetik dan disusun semula)*